



Indeks Perdagangan Luar Negeri Julai 2025

NILAI (RM BILION)

Eksport

JUN '25 121.5
JUL '25^P 140.4
▲ 15.5%

Import

JUN '25 113.1
JUL '25^P 125.5
▲ 10.9%

▲ Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

TERMA PERDAGANGAN

▼ 0.4%

▼ 4.1%
Minyak Galian

▼ 0.6%
Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan

▼ 0.5%
Minyak & Lemak Binatang & Sayur-sayuran

▲ Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

EKSPORT

Indeks Nilai Seunit ▲ 0.2%

▲ 0.8%

▲ 0.4%

▲ 0.3%

Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan

Makanan

Pelbagai Barang Keluaran Kilang

▲ Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Indeks Volum ▲ 15.4%

Barang-barang Keluaran Kilang
▲ 27.7%

Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan
▲ 15.3%

Minyak Galian
▲ 13.5%

▲ Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

IMPORT

Indeks Nilai Seunit ▲ 0.5%

▲ 3.7%

▲ 0.03%

Minyak Galian

Makanan

▲ Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Indeks Volum ▲ 10.3%

Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan
▲ 18.8%


Barang-barang Keluaran Kilang
▲ 8.1%

Pelbagai Barang Keluaran Kilang
▲ 7.0%

▲ Segala perubahan adalah berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber: Indeks Perdagangan Luar Negeri Julai 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



Indeks Volum Eksport dan Import mencatatkan kenaikan pada Julai 2025, kedua-duanya bertumbuh 15.4 peratus dan 10.3 peratus.

- **Indeks nilai seunit eksport** menaik 0.2 peratus pada Julai 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.8%), makanan (+0.4%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.3%). Disamping itu, **indeks volum eksport** bertambah 15.4 peratus selaras dengan kenaikan indeks barang-barang keluaran kilang (+27.7%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+15.3%) dan minyak galian (+13.5%). **Indeks volum eksport pelarasan bermusim** juga turut naik 20.2 peratus daripada 145.9 mata kepada 175.4 mata. Merujuk kepada **perbandingan tahunan**, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport naik 0.8 peratus dan 6.0 peratus.
- **Indeks nilai seunit import** bertumbuh 0.5 peratus pada Julai 2025, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+3.7%) dan makanan (+0.03%). Tambahan pula, **indeks volum import** juga turut naik 10.3 peratus pada Julai 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+18.8%), barang-barang keluaran kilang (+8.1%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+7.0%). **Indeks volum import pelarasan bermusim** turut bertambah 6.7 peratus daripada 207.8 mata kepada 221.8 mata. **Perbandingan tahun ke tahun** menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 4.1 peratus manakala indeks volum menaik 4.9 peratus.
- **Terma perdagangan** Malaysia menyusut 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 121.1 mata pada Julai 2025, didorong oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-4.1%), bahan mentah tidak boleh dimakan (-0.6%) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-0.5%). Tambahan pula, **terma perdagangan** Malaysia tahun ke tahun bertambah 5.1 peratus daripada 115.2 mata pada Julai tahun lalu.

